

Lebih 14,934 mangsa dipindahkan

87 pusat pemindahan dibuka melibatkan Padang Terap, Kubang Pasu, Pokok Sena dan Kota Setar

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR - Banjir di Kedah bertambah buruk berbanding semalam apabila jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir meningkat kepada 14,934 orang berbanding lebih 2,000 orang kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri memaklumkan, banjir disebabkan hujan turun tanpa henti sejak dua hari lalu meliputi empat daerah iaitu Padang Terap, Kubang Pasu, Pokok Sena dan Kota Setar.

Setakat jam 5 petang semalam, 4,230 keluarga dipindahkan ke 87 pusat pemindahan banjir di empat daerah terbabit.

"Daerah Kubang Pasu menunjukkan pertambahan jumlah mangsa terbanyak, melibatkan 10,834 mangsa daripada 3,108 keluarga yang ditempatkan di 31 pusat pemindahan. Sebahagian daripada mereka ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Changkat Ketoi, Sekolah Menengah Changloon dan Masjid Kampung Darat," katanya.

Daerah Padang Terap pula membabitkan 3,478 mangsa daripada 927 buah keluarga yang kini ditempatkan di 41 pusat pemindahan banjir, antaranya Masjid Muadzam Shah, Masjid Kampung Tanjong, Dewan Kampung Baru di Padang Sanai dan Khemah Kam-

pung Pokka.

"Ada juga penduduk yang sudah pulang ke rumah masing-masing kerana air sudah surut semalam. Sebanyak 42 keluarga membabitkan 116 mangsa sudah pulang ke rumah, namun semua pusat pemindahan tetap dibuka," katanya.

Daerah Kota Setar turut dinaiki air dan sehingga kini jumlah mangsa yang dipindahkan mencecah 438 orang daripada 136 buah keluarga.

"Terdapat tujuh pusat pemindahan dibuka di daerah Kota Setar, antaranya Sekolah Kebangsaan Titi Gajah dan Sekolah Wawasan Taman Aman," katanya.

Pokok Sena turut dilanda banjir dengan jumlah mangsa 68 orang daripada 17 buah keluarga yang ditempatkan di lapan pusat pemindahan, antaranya Sekolah Kebangsaan Bukit Hijau dan Surau Seberang Paya.

Menurutnya, paras air dua sungai dalam daerah Padang Terap menunjukkan paras bacaan melepasi bahaya, iaitu di Sungai Kuala Nerang (20.94 meter, paras bahaya 17.07 meter) dan Sungai Kampung Kubu (15.50 meter, paras bahaya 13.02 meter).

Air di Sungai Naka dan Sungai Padang Sanai berada pada bawah paras amaran, iaitu 31.97 meter (paras amaran 32.50 meter) dan

33.45 meter (paras amaran 35.00 meter).

Sungai Bata di daerah Kubang Pasu pula menunjukkan bacaan paras air melepasi paras bahaya, iaitu 10.22 meter (paras bahaya 8.83 meter).

Dua sungai dalam daerah Kota Setar menunjukkan paras bacaan melepasi paras bahaya. Sungai Kepala Batas menunjukkan bacaan 5.02 meter (paras bahaya 3.80 meter) manakala Sungai Pantai Johor 2.72 meter (paras bahaya 2.00 meter).

Bilik Gerakan Banjir Negeri dibuka 24 jam termasuk di daerah yang terlibat. Ia mengemas kini maklumat tiga kali sehari.



● Raja Muda Perlis (dua, kiri) melawat keadaan empangan Timah Tasoh di Titi Tinggi, semalam.

JPJ, JKR perlu ambil langkah

TITI TINGGI - Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis (JPS) dan juga Jabatan Kerja Raya (JKR) bekerjasama mengambil langkah yang sesuai untuk mengurangkan bencana banjir pada masa hadapan.

Titah baginda, kedua-pihak pihak ini perlu memikirkan beberapa langkah yang sesuai bagi mengelakkan berlakunya banjir berikutan perkara ini sudah berulang.

"JPS perlu meningkatkan tahap kapasiti empangan Timah Tasoh untuk mengelakkan berlakunya perlepasan keluar air dari empangan dalam kuantiti yang boleh menyebabkan berlakunya banjir.

"Dalam masa yang sama, rakyat juga perlu dilatih untuk sentiasa berada dalam keadaan siap sedia setiap kali bencana banjir

ini berlaku," titah baginda ketika melawat empangan Timah Tasoh, semalam.

Tuanku Syed Faizuddin turut mencemari meninjau pusat pemindahan banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Jaafar Hassan di Bukit Keteri, Chuping dan turut meninjau beberapa pusat pemindahan lain di sekitar Guar Nangka, Batu Bertangkep dan Titi Tinggi.

Turut berangkat, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Ir Nishad Mohamed Mohd Shaffy.

Dalam majlis sama, baginda turut menyampaikan bantuan kepada sumbangan Baitulmal Perlis dan Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) kepada mangsa di beberapa pusat pemindahan banjir yang dikunjungi.

Wanita Jerman hilang dibawa arus deras

ALOR SETAR - Seorang wanita warga emas berbangsa Jerman dikhuatiri lemas setelah dihanyutkan arus deras ketika cuba menyelamatkan diri selepas rumahnya di kampung Kerenjis, Kota Giam di Jitra dinaiki air, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Superintendan Sawaludin Hamenudin berkata, Erna Fisher, 64, dilaporkan hilang kira-kira jam 8.30 malam ketika keluar bersama anak dan menantunya untuk menyelamatkan diri daripada banjir.

"Arus deras menghanyutkan ketiga-

tiga mereka tapi anak dan menantu mangsa berjaya menyelamatkan diri," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata, operasi mencari serta menyelamatkan warga emas itu kini dilakukan dengan kerjasama polis, bomba, Rela, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan penduduk kampung.

Difahamkan, paras banjir di kampung berkenaan mencecah dua meter dan keadaan berbahaya kerana arus deras. - Bernama

21 sekolah ditutup di Perlis

KANGAR - Sebanyak 21 buah sekolah di negeri ini diarah tutup selepas dilanda banjir.

Pengarah Jabatan Pelajaran Perlis, Mansor Lat berkata, penutupan itu dibuat selepas kebanyakan sekolah ditenggelami air dan tidak selamat untuk beroperasi.

Menurutnya, penutupan sekolah terbabit melibatkan seramai 9,226 pelajar di 11 buah Sekolah Kebangsaan (SK) dan 10 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di tiga daerah iaitu Padang Besar, Arau dan Kangar.

Katanya, para pelajar di sekolah terlibat telah diarahkan pulang ke rumah masing-masing dan akan memaklumkan pembukaan semula selepas keadaan



● Beberapa pelajar asrama menunggu waris masing-masing selepas diarah pulang selepas sekolah ditutup, semalam.

banjir pulih.

"Antara SK yang ditutup iaitu SK Panggas, SK Padang Melangit, SK Bukit Keteri, SK Santan, SK Arau, SK Tengku Budriah, SK Sanglang, SK Sri Indra, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Hwa Aik dan

beberapa lagi.

"Manakala SMK pula iaitu SMK Dato Sheikh Ahmad, SMK Arau, SMK Agama Arau, SMK Almaad, SMK Syed Hassan, SMK Vokasional Arau dan SMK Vokasional Kangar," katanya.

Budak 13 tahun maut

KUALA NERANG - Seorang budak lelaki berusia 13 tahun yang hilang dipercayai dibawa arus deras ketika keluar menangkap ikan bersama abangnya di Kampung Charok Bonggor, di sini petang semalam ditemui mati.

Ketua Polis Daerah Padang Terap, Deputy Superintendan Ku Yaakob Ku Hamad ketika mengesahkan kejadian itu, berkata mangsa keluar bersama abangnya untuk memasang pukat di dalam air banjir lewat petang semalam.

Bagaimanapun, selepas memasang pukat, abangnya menyedari kehilangan mangsa kira-kira jam 6.30 petang.

"Mangsa dipercayai dibawa arus deras air banjir yang sedang melanda daerah ini. Sebalik sahaja dimaklumkan kejadian itu, pasukan menyelamatkan dan mencari dihantar ke situ untuk memulakan operasi," katanya ketika dihubungi.

JPN arah sembilan sekolah ditutup segera

GUA MUSANG - Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengarahkan sembilan sekolah di Rantau Panjang dan Tumpat ditutup serta merta berikutan hujan lebat dan banjir.

Semua sekolah terbabit diarahkan ditutup bermula jam 9.30 pagi semalam selepas pihak sekolah mendapati kawasan terbabit dipenuhi air menyebabkan terputus hubungan.

Pengarah JPN, Hussain Awang berkata, antara sekolah yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Rantau Panjang 1; SK Sri Rantau Panjang 2; SK Rantau Panjang; SK Lubok Setoi; SK Rahmat dan SK Gual Tok Deh, Rantau Panjang

Menurutnya, turut ditutup ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang; Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) China Khay Boon dan SK Chenderong Batu, Tumpat.

"Seramai 5,027 pelajar yang terlibat dibenarkan pulang selepas mendapati paras air di kawasan sekolah berkenaan mencapai kedalaman 0.5 meter pada awal pagi.

"Sesi persekolahan akan

dibuka semula selepas keadaan selamat dan air sudah sepenuhnya surut serta laluan yang ditutup dibenarkan digunakan," katanya ketika ditemui di sini.

Beliau turut memaklumkan bilik gerakan JPN dibuka mulai semalam dan ibu bapa boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan menghubungi Wan Mohd Zain Wan Abdullah menerusi talian 013-9303966 dan Abdul Aziz Mohamad 019-9398509.

Dalam pada itu, Hussain meminta kepada pihak pengurusan sekolah di pedalaman yang terlibat dengan banjir supaya menjaga harta benda sekolah untuk mengelak kerosakan atau ditenggelami air.

Beliau berkata, pihak sekolah diwajibkan pihak sekolah untuk memaklumkan segera kepada JPN berhubung masalah banjir untuk tindakan.

"Saya juga ingin menasihatkan ibu bapa supaya mengawasi pergerakan anak masing-masing untuk mengelak sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku ketika musim banjir.

488 penduduk pindah

Jumlah mangsa banjir berkemungkinan besar meningkat

POKOK SENJA - Hujan yang tidak berhenti sejak dua hari yang lalu menyebabkan beberapa kawasan rendah di sekitar Mukim Derang, Mukim Lesong dan beberapa tempat lain mula dinaiki air dan 488 penduduk dipindahkan setakat jam 12 tengah hari, semalam.

Pusat Gerakan Banjir Daerah Pokok Sena menyatakan bilangan mangsa banjir yang akan dipindahkan mungkin akan meningkat berikutan masih lagi ada mangsa yang menunggu bantuan bot untuk membawa mereka ke pusat pemindahan banjir.

Pusat tersebut memaklumkan setakat ini sebanyak empat pusat pemindahan banjir telah dibuka iaitu tiga di Mukim Derang manakala satu di Mukim Lesong.

Pusat pemindahan itu ialah Sekolah Kebangsaan Bukit Hijau, Dewan Kampung Empa, Surau Seberang Kampung Empa dan Surau Permatang Limau.

"Pusat Gerakan Banjir Daerah Pokok Sena menganggarkan bilangan mangsa banjir yang perlu dipindah-



● Jalan dari Derang menuju ke Pekan Pokok Sena yang terputus.

kan berkemungkinan besar meningkat berikutan masih ada lagi penduduk yang menunggu bantuan bot untuk menyelamatkan mereka.

Walaupun hujan sudah berhenti, namun air dari Kuala Nerang menghalu ke arah sini melalui sungai menyebabkan paras air tidak surut malah semakin meningkat," katanya kepada Sinar Harian ketika

dihubungi, dekat sini.

Sinar Harian juga difahamkan bahawa terdapat beberapa jalan turut terputus hubungan antaranya jalan di Kampung Sungai Durian menuju ke Kuala Nerang, Jalan dari Pekan Pokok Sena menuju ke Derang dan beberapa jalan kecil yang lain.

Menurut Pusat Gerakan Banjir Daerah Pokok

Sena, usaha untuk memindahkan penduduk yang terperangkap di rumah mereka yang berada di kawasan rendah sedang giat dijalankan.

"Bantuan bot daripada pihak berwajib sedang dijalankan dan pihak kami akan terus memantau perkembangan semasa banjir ini dari semasa ke semasa," katanya.

Amaran hujan lebat utara Semenanjung ditamatkan

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi Malaysia menamatkan amaran hujan lebat Peringkat Merah di beberapa kawasan utara Semenanjung, semalam.

Bagaimanapun, hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana dijangka berterusan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang sehingga pagi ini yang boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan berkedudukan rendah dan berdekatan dengan tebing-tebing sungai.

Manakala, amaran angin kencang

dan laut bergelora masih dikekalkan dan berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk aktiviti menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Keadaan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dijangka berlaku di perairan Perlis, Langkawi, Kedah dan Pulau Pinang hari ini dan berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Amaran angin kencang dan laut

bergelora melibatkan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 (kmsj) dengan ombak mencapai 3.5 meter berlaku di perairan Perlis, Langkawi, Kedah Utara dan Phuket dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Sementara di Sarawak (Bentong, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang) W.P Labuan Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) Reef South Palawan dijangka bermula Khamis hingga Ahad, hadapan.

Sukar mencari buku kami?
mall.karangkraf.com

Penghantaran Percuma

we lead you read

karangkraf
www.karangkraf.com